

LAPORAN LATIHAN PRAKTIKUM  
POLITEKNIK SEBERANG PERAI  
PULAU PINANG

NOORAZLINA BT CHE RAZALI  
UK 8331

JABATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
2007

1100053896

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)  
Universiti Malaysia Terengganu



LP 30 FPE 1 2007



1100053896

# Laporan latihan praktikum Politeknik Seberang Perai Pulau Pinang / Noorazlina Che Razali.

**PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU**

1100053806

Lihat sebalah

HAK MILIK

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

## **:: PERAKUAN ::**



Dengan ini saya Noorazlina Bt Che Razali mengaku bahawa laporan Latihan Praktikum bagi Kursus KOG 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini merupakan pandangan dan pendapat saya berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang telah dipelajari semasa menjalani latihan praktikum semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

Nama : **NOORAZLINA BT CHE RAZALI**

Tarikh : **21 MEI 2007**

Disahkan oleh :

**(EN. ABDULLAH BIN MOHAMAD)**

Penyelia UMT

B/p Pengerusi Latihan Praktikum

Fakulti pengurusan dan Ekonomi

Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

1100053896

## **:: PENGHARGAAN ::**



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين

والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين،  
وعلى آله وصحبه أجمعين.

*Setitip penghargaan saya lakarkan ...*

“Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh..”

Alhamdulillah, dengan rasa penuh kesyukuran dan dipanjatkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyiapkan laporan praktikal yang telah saya jalankan di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang (PSP)

Jutaan terima kasih saya tujukan kepada Haji Abdul Rahim b Othman dan Encik Wan Khairul Faizi b Wan Mahmood selaku Pegawai Kaunseling di Politeknik Seberang Perai yang telah banyak membantu saya selama saya menjalankan praktikum di sini, beliau telah banyak memberi tunjuk ajar dan pandangan serta kritikan yang membina kepada saya dalam mengharungi cabaran dan dugaan semasa menjalankan praktikum. Selain itu juga, kepada kakitangan Politeknik Seberang perai yang sentiasa memberi kerjasama dan bantuan, tidak akan saya lupakan. Begitu juga kepada Pengarah Politeknik Seberang Perai Tuan Haji Nor Azhan b Othman yang telah membenarkan saya menjalankan praktikum di PSP Pulau Pinang.

Di kesempatan ini, saya turut merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat pensyarah-pensyarah di Jabatan Psikologi dan Kaunseling Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang telah mencurah segala ilmu dan memberi tunjuk ajar kepada saya tanpa mengira erti penat dan lelah sepanjang

pengajian saya di UMT, jasa kalian semua hanya Allah yang mampu membalaunya.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada keluarga tersayang abah Che Razali b Che Ismail, mama Rohani bt Jusoh dan adik-adik yang banyak memberi dorongan dan sokongan kepadaku dalam menempuh liku-liku hidup ini terutama sepanjang tempoh pengajian dan latihan praktikum. Tidak dilupakan juga kepada insan yang sentiasa diingatan Zakaria b Che Man yang begitu memahami diri ini dan banyak memberi dorongan dan sokongan, serta tidak dilupakan juga rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantuku. Pertolongan kalian amatku hargai. Dengan itu kudahului dengan ucapan jutaan terima kasih, kemaafan ku pinta sekiranya tersalah bahasa terkasar bicara.

Untuk yang sekian kalinya, dengan penghasilan laporan ini ia dapat menjadi satu aset yang mempunyai nilainya yang tersendiri dalam membantu mencapai impian dan matlamat yang dapat memberi impak positif kepada semua pihak. Semoga apa yang saya perolehi ini akan menjadi panduan dan dapat saya gunakan pengalaman ini dalam kerjaya saya kelak. Saya akhiri dengan ucapan wassalam...

Sekian, terima kasih.



## **:: RINGKASAN EKSEKUTIF ::**



Secara keseluruhannya laporan akhir praktikum ini, menerangkan segala aspek pengalaman secara langsung dan tidak langsung yang telah dilalui oleh pelatih di organisasi praktikum iaitu di Politeknik Seberang Perai Pulau Pinang. Sepanjang tempoh latihan praktikum ini pelbagai pengalaman telah dilalui sama ada pahit dan manis dalam mendapat pendedahan yang amat berharga bagi seorang bakal kaunselor. Pendedahan dan pengalaman yang diperolehi selama menjalani latihan praktikum ini sudah pasti amat berharga bagi pelatih yang bakal berhadapan dengan situasi sebenar di alam *profesionalisme kaunseling*. Sepanjang latihan ini pelatih telah didedahkan dengan situasi sebenar seorang kaunselor di organisasi ini dengan menjalankan perkhidmatan kaunseling yang merangkumi sesi kaunseling individu dan kelompok yang menjadi *core business* di organisasi. Selain itu, pelatih juga turut menjalankan aktiviti-aktiviti bimbingan lain seperti pengujian psikologi dan juga aktiviti-aktiviti luar kampus untuk pelajar-pelajar. Pelatih juga tidak hanya berfokus kepada sesi kaunseling semata-mata tetapi juga turut didedahkan kepada pengurusan fail klien (sampul kecil). Pengurusan ini amat penting bagi memantapkan lagi skill dari aspek pentadbiran dan pengendalian sesi kaunseling. Selain itu juga dalam tempoh hampir enam bulan latihan praktikum di Politeknik ini, pengaplikasian teori dan pendekatan kaunseling telah banyak dipraktikan dalam menolong pelajar-pelajar untuk mendapat celik akal dan meningkatkan keupayaan diri. Pelatih juga turut mengenal pasti permasalahan yang timbul di Politeknik ini. Pelatih juga turut mengambil inisiatif dan cadangan bagi mengatasi permasalahan tersebut.

